

RTB Fasa 1 kurangkan bilangan mangsa terjejas bah

ISKANDAR PUTERI – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Fasa 1 yang dilaksanakan kerajaan negeri di Segamat berupaya mengurangkan sehingga 52 peratus masalah banjir yang dihadapi penduduk di kawasan berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya negeri, K. Raven Kumar berkata, sebelum perancangan itu dilaksanakan, dianggarkan bilangan mangsa bah adalah seramai 21,158 orang.

Menurutnya, selepas RTB Fasa 1 dilaksanakan di daerah tersebut, jumlah mangsa yang terjejas bah adalah seramai 11,040 orang.

“Antara punca berlaku banjir adalah taburan hujan lebat dalam satu-satu masa yang menyebabkan sistem saliran sedia ada tidak dapat menampung aliran air seterusnya melimpah ke penempatan penduduk. Lebih memburukkan keadaan apabila bertembung dengan air pasang.

“Saya percaya dengan penyediaan pelan jangka panjang melalui projek RTB Segamat Fasa 2 dengan kos keseluruhan bernilai RM650 juta, kerajaan Johor komited mengurangkan jumlah mangsa banjir di daerah Segamat,” katanya.



SEGAMAT merupakan daerah pertama di Johor yang dilanda banjir pada musim tengkujuh lalu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan N. Saraswati (**BN-Kemelah**) berhubung tindakan kerajaan negeri dalam mengelakkan banjir di kawasan perkampungan Segamat pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di Kota Iskandar di sini semalam.

Pada musim tengkujuh lalu,

Segamat menjadi daerah pertama di Johor yang dilanda bah sehingga menjejaskan ribuan penduduk yang terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS).

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia Johor,

Mohd. Hairi Mad Shah pula memberitahu, Johor telah menyaksikan seramai 131 lantikan Personal Mystep yang ditempatkan di negeri ini.

“Pengisian kekosongan jawatan pelbagai gred di Johor itu selaras dengan inisiatif Penggunaan Sumber Manusia Secara Optimum yang bertujuan meningkatkan kecekapan dan mengelakkan pembaziran sumber.

“Daripada jumlah itu, 32 merupakan lantikan di jabatan negeri, 94 lantikan di pihak berkuasa tempatan manakala lima lantikan melibatkan badan berkanun negeri.

“Anggota atau Personel MySTEP sedia ada boleh memohon pengisian bagi jawatan tetap atau kontrak melalui pelantikan dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor atau jabatan kerajaan yang berkait-

an,” ujarnya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan lisan daripada Haslinda Salleh (**BN-Tenang**) berhubung perancangan kerajaan negeri untuk menyerap kakitangan di bawah skim kontrak MySTEP ke jawatan tetap terutamanya yang telah berkhidmat melebihi tiga tahun.